

NO. SOALAN : 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan dana SEDA yang diperuntukan mengikut jenis sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 30 April 2015, anggaran perbelanjaan dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) yang diperuntukkan bagi kuota yang telah diluluskan mengikut sumber adalah seperti berikut:

Sumber	Dana Diperuntukkan (RM)
Biogas	177,209,563.31
Biomass	199,584,500.16
Hidrokuasa Kecil	42,819,241.67
Solar PV	334,470,261.28
Jumlah (RM)	854,183,500.16

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN TEO KOK SEONG**
 [RASAH]
TARIKH : **27 MEI 2015 [RABU]**
SOALAN : **77**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci mengenai hasrat Kementerian untuk mensasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi yang akan dikomersialkan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang seperti yang disebut oleh Perdana Menteri ketika ucapan Bajet 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bajet 2015 yang diumumkan YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober tahun lalu iaitu sebanyak 360 produk inovasi berimpak tinggi akan dikomersilkan menjelang tahun 2020. Secara puratanya, sebanyak 60 produk telah disasarkan untuk dikomersilkan setiap tahun. Kementerian telah membahagikan produk-produk ini kepada enam kategori iaitu pertanian dan perhutanan, bioteknologi, teknologi dan kejuruteraan, teknologi

maklumat dan komunikasi (ICT), sains perubatan dan kesihatan serta sains semulajadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian telah mendefinisikan produk inovasi berimpak tinggi adalah merujuk kepada produk dan perkhidmatan yang boleh memberi impak yang besar dari sudut Keprihatinan Nasional (*National Concern*) atau Kedaulatan Nasional (*National Sovereignty*) atau Sosial atau Ekonomi.

Semasa pelancaran Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 (MCY 2014), sebanyak 65 produk inovasi berimpak tinggi telah diumumkan sebagai kumpulan pertama yang telah berjaya dikomersilkan pada tahun 2014. Bilangan ini sebenarnya telah melebihi sasaran tahunan asal iaitu 60 setiap tahun. Semua produk inovasi berimpak tinggi tersebut adalah menepati definisi yang ditetapkan oleh Kementerian. Dengan mengambilkira keupayaan ini, Kementerian berkeyakinan untuk mencapai sasaran 60 produk setiap tahun menjelang 2020.

Lanjutan dari itu, Kementerian juga telah maju selangkah lagi dengan membawa produk serta syarikat pengeluar produk tersebut menyertai pameran dan ekspo perdagangan dengan kerjasama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) di dalam dan luar negara seperti Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (*National Innovation Conference and Exhibition* atau NICE), *International Invention & Innovation Exhibition* (ITEX), ASEAN SME Showcase, Expo Milano dan lain-lain. Semasa kehadiran mereka di ekspo perdagangan tersebut,

syarikat-syarikat pengeluar produk-produk telah berjaya membuat jualan dan dapat berjumpa dengan pedagang luar yang berminat untuk membeli produk keluaran mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian merancang untuk mempertingkatkan jaringan kerjasama dengan MATRADE supaya syarikat pengeluar produk inovasi berimpak tinggi diberi peluang menyertai ekspo perdagangan di luar negara selain dari yang telah dihadiri sebelum ini.

Sekian,terima kasih.